


lecturer's Contribution

Last Christmas

oleh Dr. Rofiza Aboo Bakar



George Michael ketika di

Lewat malam itu, terasa begitu bosan dan HBO adalah penemanku yang setia. Tidak diketahui tajuk filem yang ditayangkan tetapi lagu-lagu latarnya semuanya diambil dari nyanyian kumpulan *Wham*. Tumpuanku tidak lagi kepada filem itu. Fikiranku terus melayang ke zaman semasa aku masih belasan tahun. Lagu *Last Christmas* sering saja berkumandang pada tahun 1980-an dan ianya masih terganggu-giang di telingaku. Filem itu kutinggalkan. Tidak menarik! Aku sebaliknya mencari klip video lagu itu di halaman YouTube. Dimuatnaik pada 2016 dengan 51 juta penonton dan 14 ribu komen yang rata-ratanya memuji suara enak dan rupa segak George Michael.

Pada tahun 1980-an, aku bersekolah di sebuah sekolah agama yang begitu tegas disiplin yang diterap-kan dalam kalangan pelajarannya. Oleh kerana aku datang dari sekolah Convent dan bergiat cergas dalam aktiviti koir sekolah, maka agak canggung juga pada mulanya untuk aku menuruti segala jenis bentuk disiplin. Kegiatan yang paling kugemari - menyanyi dan mendengar lagu-lagu artis pujaan - harus saja dilupakan! Ia bukan aktiviti yang guru-guru di sekolah baruku relakan. Tetapi, senyap-senyap, ketika menghadiri *prep* sekolah, aku mengeluarkan buku nota yang terkandung link-link lagu yang kutulis dan salin dari kaset-kaset abang-abangku semasa aku pulang sebulan sekali ke rumah. Jika rakan-rakanku sibuk mengulang-kaji, aku pula sibuk menatap dan mengliafal liii-lirik lagu itu sehingga

tertidur. Itu adalah aktiviti yang menyenangkan bagiku kerana ia membolehkan aku melepaskan kerinduan yang amat pada nnnah serta alili keluargaku.

Last Christmas adalah salah satu lagu yang termasuk dalam carta kegemaranku. Tajuk lagu ini sahaja sudah berupaya mengingatkan diri ini kepada beberapa perkara signifikan suka-duka dalam kehidupan. Aku mendirikan rumahtangga pada tarikh itu. Kemudian, beberapa lagi peristiwa seperti Tsunami Aceh, kejadian terperangkap dalam salji tebal di UK dan kemenangan beberapa anugerah universiti berlaku sekitar tarikh keramat tersebut. Ironisnya, 2016 menyaksikan George Michael sendiri tewas pada tarikh itu setelah bertarung sekian lama melawan penyakit AIDS yang dihidapinya.

Itulah kehidupan. Tidak bisa aku ketahui apa yang akan terjadi tetapi kenangan lalu yang indah mahupun jelek semuanya penting. Biar saja *Last Christmas* ini bukan yang terakhir dan moga ianya terus segar dalam ingatan.